



MAJLIS ISLAM SARAWAK

ARAS 16 & 17,
MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JALAN P.RAMLEE,
93400 KUCHING, SARAWAK.

Emel : mis50@sarawak.gov.my
Laman Web : www.mis.sarawak.gov.my

PEJABAT YANG DIPERTUA
TEL :082-507214 FAKS :082-507240

PEJABAT SETIAUSAHA
TEL :082-507215 FAKS :082-507241

TALIAN AM
TEL :082-507251/507250 FAKS:082-507254

Rujukan Kami :JAIS/KIM/PMS/700-2/1/3 (16)
Tarikh : 8 Mei 2023

SEMUA Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau DI SELURUH SARAWAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg. Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan,

PEKELILING HAL EHWAL MASJID BIL 2/2023: KELAYAKAN CALON JAWATANKUASA PENGURUSAN (JKP) MASJID DAN SURAU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Masjid Dan Surau - Majlis Islam Sarawak (JPHEMS-MIS) Kali Ke-68 Bil. 2/2023 bertarikh 5 April 2023 telah bersetuju memutuskan kelayakan calon Jawatankuasa Pengurusan (JKP) Masjid Dan Surau adalah seperti berikut:

**"Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha
sebagai Anggota Tertinggi dalam JKP hendaklah tidak
mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain"**

3. Sehubungan itu, hubungan kekeluargaan yang dimaksudkan termasuk **bapa/ ibu dan anak-anak (seibu dan sebapa, seibu, sebapa atau tiri, angkat), suami dan isteri, adik-beradik (seibu dan sebapa, seibu, sebapa atau tiri), makcik atau pakcik dan anak-anak saudara, bapa/ ibu mertua dan menantu, datuk/ nenek, cucu dan ipar duai.**

4. Arahan ini hendaklah **berkuatkuasa mulai 6 April 2023.**

5. Atas perhatian dan kerjasama pihak Yang Berbahagia Datuk/ Datu/ Dato/ Tuan/ Puan dalam hal ini, kami merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

**"PEMACU KECEMERLANGAN UMMAH"
"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"**

(USTAZ HAJI AHMAD SUKARNO BIN HAJI SAINI)

Pemangku Setiausaha
Majlis Islam Sarawak

s.k: Semua Pegawai Agama Islam Bahagian